

UUM/BA53/BH/26.08.2001

UUM serah lima nama pesyarah terbabit kegiatan militer

DARI MUKA 1

Bagaimanapun, hasutan kumpulan itu tidak berkesan apabila majoriti pelajar UUM masih dapat dikawal hasil pemantauan berterusan.

"Tugas UUM ialah membendung perkara ini daripada lebih mudarat. Universiti lain jika tidak mahu bertindak, terpulang kepada mereka," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau dilantik Naib Canselor UUM menggantikan Datuk Dr Mohamad Noor Salleh, baru-baru ini.

Khamis lalu, Dr Ahmad Fawzi mendedahkan cubaan pertubuhan bukan kerajaan mempengaruhi pelajar supaya berjihad menubuhkan negara Islam, termasuk dengan kekerasan.

Percubaan itu dibongkar hasil siasatan terhadap 13 pelajar yang menyertai perkhemahan di Hutan Rekreasi Bukit Wang, dekat Jitra pada 23 Julai lalu.

Soal siasat pelajar terbabit mendapati ada pelajar UUM menyertai seminar Mahasiswa Du'at 2000 di Kompleks Belia dan Sukan Batu Uban, Pulau Pinang pada 30 Oktober 200 dan Seminar Pembangunan Insan di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras, di Kuala Lumpur pada 4 dan 5 Ogos lalu.

Dalam seminar berkenaan peserta didakwa didedahkan dan dipengaruhi dengan gerakan militan bersenjata dan kekerasan.

Dr Ahmad Fawzi juga mengesahkan dihubungi polis kelmarin berhubung pendedahan itu dan UUM sudah menyerahkan nama lima pensyarah terbabit dan dokumen berkaitan.

Ditanya sama ada UUM akan membuat aduan polis, beliau berkata pihaknya tidak perlu berbuat demikian kerana ia hanya menyiasat pembabitannya.

"UUM hanya mengambil berat mengenai pembabitannya pelajar dan pensyarahnya dalam perkara ini. Mengikut AUKU, pelajar tidak boleh terbabit dengan seminar yang berbau politik tanpa kebenaran," katanya.

Beliau berkata, siasatan berhubung perkara itu dijangka disiapkan dalam tempoh beberapa bulan lagi kerana pelajar sedang menghadapi peperiksaan.